

MAHATHIR - ISLAM

1982

KUALA LUMPUR, 10 SEPT (BERNAMA) -- KERAJAAN AKAN MEMPERKENALKAN TAMADUN ISLAM DI UNIVERSITI-UNIVERSITI TEMPATAN SEBAGAI SATU LAGI LANGKAH MENDEKATKAN AGAMA ITU KEPADA SEMUA PENDUDUK MALAYSIA.

PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD YANG MENGUMUMKAN DEMIKIAN, BERKATA ISLAM SEBAGAI AGAMA RASMI NEGARA PATUT DIKENALI OLEH SEMUA PENDUDUK DI NEGARA INI.

BERUCAP MERASMIKAN PERHIMPUNAN AGUNG UMNO KE-33 DI SINI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MENEGASKAN LANGKAH TERSEBUT TIDAK BERMAKNA BAHAWA KERAJAAN BERTUJUAN MENGAJAR ASAS-ASAS AGAMA ISLAM DENGAN TUJUAN PENGISLAMAN.

APA YANG AKAN DILAKUKAN HANYALAH MEMPERKENALKAN PERADABAN ISLAM SAMA SEPERTI KAEDAH PENGAJARAN SEJARAH EMPAYAR BRITISH ZAMAN PENJAJAHAN DAHULU.

+DENGAN CARA INI KITA HARAP DAPAT MENGURANGKAN PERASAAN TAKUT DAN CURIGA YANG TERDAPAT DI KALANGAN SETENGAH-SETENGAH ORANG BUKAN ISLAM DI MALAYSIA TERHADAP AGAMA ISLAM DAN ORANG ISLAM, +TEGASNYA. -- LAGI 1400/PA

MAHATHIR - ISLAM 2 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI MENYATAKAN KEYAKINANNYA BAHAWA LANGKAH TERSEBUT AKAN DAPAT MERAPATKAN LAGI HUBUNGAN ANTARA KAUM DI MALAYSIA.

BELIAU BERPENDAPAT USAHA MENERAPKAN UNSUR-UNSUR ISLAM DALAM KEGIATAN NEGARA SEHARUSNYALAH DIPELOPORI OLEH UMNO KERANA BUKAN SAHAJA IA MERUPAKAN PARTI ORANG ISLAM TETAPI JUGA TULANG BELAKANG KERAJAAN YANG BERTANGGUNG-JAWAB TERHADAP ISLAM DAN NEGARA.

BELIAU MEMBAYANGKAN BAHAWA BANYAK LAGI UNSUR ISLAM AKAN DI-SERAPKAN KE DALAM KEGIATAN NEGARA SECARA BERPERINGKAT-PERINGKAT.

+SEMUA INI AKAN DIBUAT TANPA MENJEJASKAN KEDUDUKAN AGAMA-AGAMA LAIN YANG DILINDUNGI OLEH PERLEMBAGAAN, +KATANYA.

SETAKAT INI PENTADBIRAN DATUK SERI DR. MAHATHIR TELAH PUN MENGUMUMKAN KEPUTUSAN KERAJAAN UNTUK MEMUBUHKAN UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA DAN BANK ISLAM. -- BERNAMA 1405/PA